

**“MAQASID SYARIAH MENJAMIN KEMASLAHATAN UMMAH”**  
(21 September 2018 / 11 Muharram 1440)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا  
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، شَرَعَ لَنَا مِنَ الدِّينِ أَسْمَى الْغَايَاتِ وَأَعْظَمَ الْمَقاصِدِ، وَمَنْ عَلَيْنَا بِأَعْظَمِ شَرِيعةٍ  
هَدَفَتْ لِجَلْبِ الْمَصَالِحِ وَدَرَاءِ الْمَفاسِدِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ خَيْرُ  
قَدْوَةٍ لِلْمُتَّقِينَ وَقَائِدِ، وَأَمْثَلِ أُسْوَةٍ لِّلسَّالِكِينَ وَرَائِدِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا وَ  
حَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْخَيْرَةِ الْأَمْجَدِ مَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ جَلَّ وَعَلَا، اتَّقُوا اللَّهَ  
حَقَّ التَّقْوَى فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pada hari Jumaat yang diberkati ini, saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah ﷻ dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menikmati kesejahteraan dan keberkatan hidup serta berbahagia di dunia dan di akhirat. Mimbar hari ini akan membicarakan tajuk: **“MAQASID SYARIAH MENJAMIN KEMASLAHATAN UMMAH.”**

**MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Maqasid Syariah bermaksud tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Islam melalui peraturan dan hukum-hakam yang disyariatkan serta

rahsia disebaliknya dengan tujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia. Imam al-Haramain al-Juwainiy menjelaskan: “*Barangsiapa yang tidak memahami kewujudan maqasid dalam perintah-perintah dan larangan-larangan syara’, maka dia tidak memiliki pandangan yang jelas dan benar tentang agama.*” Al-Raysuniy pula mengumpamakan Maqasid Syariah sebagai buah yang dipetik hasil daripada pelaksanaan syariat Islam. Kepentingan Maqasid Syariah telah dijelaskan oleh al-Quran dengan terang sebagai pemelihara kemaslahatan manusia dengan membuka ruang-ruang manfaat dan menghindar kemudharatan sebagaimana firman Allah ﷻ dalam surah al-Baqarah ayat 185:

﴿ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ ﴾

**Maksudnya:** “Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.”

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kita perlu jelas, bahawa matlamat utama pelaksanaan syariat Islam ialah untuk mengatur kemaslahatan kehidupan manusia atas asas *makruf* dan menghindarkan *mungkar*. **Makruf** ialah segala perbuatan baik menurut syariat Islam dan mendekatkan pelakunya kepada Allah ﷻ. Manakala **mungkar** pula ialah segala perbuatan mungkar menurut syariat Islam dan menjauhkan pelakunya daripada Allah ﷻ. Pada prinsipnya pelaksanaan syariat dan ajaran Islam keseluruhannya bertujuan untuk menyelamatkan dan memelihara kemaslahatan kehidupan manusia dan mengelakkan segala keburukan. Para ulama menggariskan bahawa keperluan kemaslahatan manusia sejagat yang menjadi sasaran Maqasid Syariah akan dapat disempurnakan apabila tiga tuntutan asas kehidupan dapat dipenuhi secara bertahap iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*.

**Dharuriyyat** adalah perkara-perkara yang termasuk dalam keperluan asasi yang mesti dipenuhi oleh setiap individu untuk menjalankan tanggungjawabnya

sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Jika perkara ini tiada, kehidupan manusia akan hilang arah yang akhirnya menuju kepada kerosakan dan kebinasaan. Keperluan asasi yang menjadi objektif kemaslahatan ini ialah untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kemaslahatan ini diikuti pula dengan *Hajiyyat* iaitu kemaslahatan yang bersifat keperluan dan hajat manusia semata-mata. Ia untuk menghilangkan kesulitan dan kesempitan yang boleh membawa kepada kesusahan hidup. Jika kemaslahatan ini tidak dapat dipenuhi, maka ia boleh menyebabkan kesulitan dan kesusahan hidup. Di antara perkara tersebut seperti keharusan jual beli, sewaan, pinjaman dan keringanan melakukan ibadat ketika sakit atau bermusafir.

Manakala bahagian yang terakhir adalah *Tahsiniiyyat* iaitu kemaslahatan dari aspek adat dan kesempurnaan akhlak bagi memudahkan dan mengindahkan kehidupan manusia. Jika masalah ini hilang, maka ia akan menyebabkan kehidupan menjadi buruk, hambar dan suram pada pandangan akal. Contoh masalah ini ialah keharusan memakai pakaian yang berwarna-warni, kenderaan yang mewah dan keharusan menggunakan gelaran-gelaran yang baik.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH**

Mimbar ingin menyatakan bahawa Maqasid Syariah yang ingin dicapai ini perlulah menjadi tonggak dan hala tuju di dalam pensyariatatan hukum-hakam dan ajaran Islam kerana itulah Imam Ibn Taimiyah pernah menyebut bahawa: *Maqasid yang wajib bagi pemerintah ialah memastikan kebaikan agama bagi manusia, jika hilang agama, mereka akan menjadi orang yang sangat rugi dan nikmat dunia yang diperolehi tidak akan memberi manfaat kepadanya.* Firman Allah ﷻ di dalam surah al-Haj ayat 41:

﴿ الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّهْمُ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ غَلُوبٌ ﴾

**Maksudnya:** “Iaitu mereka yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan perkara yang mungkar. Dan ingatlah bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”

Oleh yang demikian, Islam telah menggariskan dasar segala peraturan yang sangat diperlukan oleh kehidupan manusia bagi menjamin survival yang akan mendatangkan manfaat dan menjauhkan mudarat. Imam Al-Ghazali di dalam kitabnya, al-Mustasfa (المستصفى) telah menyenaraikan lima perkara keperluan asas (*Dharuriyyat*) yang mesti dipenuhi oleh setiap individu dan dipelihara dalam Maqasid Syariah mengikut keutamaan iaitu:

**Pertama:** Menjaga Agama – Menjadi kewajipan kita sebagai muslim untuk meletakkan kepentingan agama di tempat yang teratas. Segala perkara yang merosakkan akidah dan agama hendaklah dihindarkan dan dibanteras. Dengan menjaga agama, akan membentuk seorang yang adil dan berintegriti, tidak akan membenarkan sesuatu yang akan merosakkan akhlak dan moral. Mereka yang tidak beragama akan lemah akhlaknya dan hilang semangat patriotik dan jati dirinya, dan tidak mustahil akan menggadaikan kepentingan negaranya demi memenuhi tuntutan hawa nafsunya. Pelbagai cabaran yang perlu di atasi dalam kita menjaga agama antaranya gejala ajaran sesat, Syiah, aliran pemikiran Pluralisme, sekularisme, Liberalisme dan lain-lain lagi.

**Kedua:** Menjaga nyawa – Islam mengharamkan permusuhan dan penumpahan darah dengan jalan yang tidak benar. Apabila nyawa tidak terpelihara maka negara

akan musnah, ketenteraman dan keamanan akan hilang. Sabda Rasulullah ﷺ seperti diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim:

عن عبد الله بن عمرو رضي الله عنه عن النبي ﷺ قال: "المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده والمؤمن من أمنه الناس على دمائهم وأموالهم"

**Mafhumnya:** Daripada Abdullah bin ‘Amru رضي الله عنه daripada Nabi ﷺ bersabda: “Seseorang muslim itu ialah yang menyelamatkan kaum muslimin melalui lidah (bicara) dan tangannya (kuasa dan perlakuan), dan orang yang beriman pula ialah orang yang dipercayai oleh orang lain dalam menjamin nyawa dan harta benda mereka.

**Ketiga:** Menjaga akal – Akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu. Semua unsur-unsur yang menjurus kepada kehilangan akal seperti arak, dadah dan seumpamanya yang merosakkan pemikiran wajib dibanteras dengan segera.

**Keempat:** Menjaga maruah dan keturunan – Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat Islam. Apabila keturunan telah rosak dengan sebab menyalahi syariat dan tabie manusia seperti penzinaan, liwat, lesbian, gay, biseksual dan sebagainya maka struktur sosial akan menjadi kacau bilau dan akhirnya akan runtuh dengan sendirinya.

**Kelima:** Menjaga harta – Dalam menjaga harta, Islam telah menggariskan prinsipnya iaitu *al-adl wal ihsan* (العدل و الإحسان). Pendekatan Islam amat menitik berat soal keadilan dengan mengharamkan segala bentuk penindasan, amalan riba, penipuan, rasuah, monopoli yang tidak seimbang, cetak rompak, menipu hak intelek, manipulasi pasaran dan segala bentuk penyelewengan atau perkara-perkara yang menzalimi dan merugikan pihak lain.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, berasaskan pendekatan *Maqasid Syariah* yang yang menjadi teras pentadbiran kerajaan hari ini, mimbar yakin apabila hubungan kesalingan antara ulama, umara dan rakyat menjadi erat, maka sesebuah kerajaan itu pasti bertambah kuat, nasib ummah terbelah, negara bertambah maju dan aman damai. Bahkan kita dapat menjalankan amanah, merangka dasar dan program yang menekankan keselamatan dan keharmonian rakyat dan negara sama ada dari segi akidah, syariah dan akhlak dengan jayanya.

Mengakhiri khutbah, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang telah disampaikan iaitu:

- Pertama:** Maqasid Syariah menjadi pemandu kepada umat manusia melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah ﷻ.
- Kedua:** Islam mengatur kemaslahatan hidup manusia atas asas *makruf* dan menghindarkan *mungkar*.
- Ketiga:** Kita hendaklah memelihara lima perkara asas dalam Maqasid Syariah, iaitu, agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنِ أَحْسَنْتُمْ أَحْسَنْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ﴾

**Maksudnya:** “Jika kamu berbuat kebaikan, maka faedahnya adalah untukmu; dan jika kamu berbuat kejahatan, maka berbalik kepada diri kamu juga.”

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمِ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمِ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ  
بْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ

وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا  
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى  
مَلِكِنَا، كَبَاوَه دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ كَلِيمَا  
بَلَس.

### سلطان محمد كليما وعلى كُلِّ قَرَاتِهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ  
الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزَرَائِهِ سَيِّلاً وَمِنْهَاجاً. وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجاً  
وَهَاجاً. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلِّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ  
الدِّينِ، اللَّهُمَّ أَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالطُّغْيَةَ وَالظُّلْمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي  
كُلِّ مَكَانٍ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ، اللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحِّدْ  
صُفُوفَهُمْ، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.



*Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindunganMu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,tanamkanlah rasa kasih sayang di antara kami,kekalkanllah perpaduan dalam kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.*

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾

﴿ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾

﴿ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ

الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ

يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.